

04 AUG 1997

Muhyiddin-Pesawat

ENAM PESAWAT RINGAN DIBELI UNTUK PENERBANGAN REMAJA NEGERI-NEGERI

LANGKAWI, 4 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan membeli enam lagi pesawat ringan tahun depan untuk dibekalkan kepada kelab-kelab penerbangan udara remaja negeri bagi menarik lebih ramai golongan itu kepada industri penerbangan.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata, pesawat berharga RM70,000 satu itu yang dibuat di Amerika Syarikat bertujuan melengkapkan program Rakan Muda.

Langkah itu bukan sahaja untuk melatih pemasangan pesawat malah golongan muda dapat terbang bersama-sama untuk merasai kehebatannya, katanya kepada pemberita semasa mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat pesawat-pesawat ringan dipamerkan sempena Langkawi Fly-in 1997 di sini.

Beliau berkata inilah cara yang paling baik untuk memupuk minat golongan remaja kepada industri penerbangan di negara ini.

Muhyiddin berkata Dr Mahathir juga meminta supaya program Rakan Muda Udara diteruskan kerana ia memberi peluang kepada generasi muda menerokai bidang penerbangan di negara ini.

Tahun ini, dua pesawat ringan ditempah untuk digunakan dalam program Rakan Muda.

Pada masa ini, sebuah pesawat Zodiac 601 HD yang turut mengambil bahagian pada rali udara Malaysia 1997 tiba di sini dengan selamat yang dipandu oleh Kapt Zamzilan Abdul Hamid.

"Kita memulakan program itu di Kuala Lumpur menerusi Persatuan Pesawaterbang Eksperimen Malaysia (PPEM)", katanya.

Beliau berkata tujuh anak muda dihantar ke Oshkosh, Wisconsin, Amerika Syarikat untuk mengikuti kursus insentif selama lima minggu. Mereka dilatih merekacipta, membina dan menerbangkan pesawat serta mentadbir persatuan atau kelab penerbangan dengan lebih sistematik.

Lebih ramai lagi anak muda yang berminat dalam penerbangan akan dihantar di sana untuk menimba pengalaman.

Mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak RM500,000 diperuntukkan untuk membiayai program itu termasuk menubuhkan kelab-kelab penerbangan.

Ini merupakan usaha kerajaan memajukan industri itu dan menarik minat anak muda dalam penerbangan.

"Saya yakin industri itu dapat berkembang dengan baik. Kita mulakan dengan pesawat kecil terlebih dahulu dan tidak bercadang membeli pesawat lebih besar kerana memerlukan belanja tinggi," katanya.-- BERNAMA

ZI NH NAK